

| HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK | Etiqa Life Insurance Berhad (“Syarikat”/ “Kami”) |
|---|---|
| Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk membeli Etiqa Critical Care Insurance. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya. | Etiqa Critical Care Insurance |
| | <Date> |

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Etiqa Critical Care Insurance ialah satu pelan insurans tempoh 1 tahun yang melindungi 39 penyakit kritikal. Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk senarai 39 penyakit kritikal yang dilindungi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

| No. | Perlindungan/Manfaat | Huraian Manfaat |
|-----|---------------------------|---|
| 1 | Manfaat Penyakit Kritikal | <p>Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu (1) daripada 39 penyakit kritikal yang dilindungi (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari) dalam tempoh perlindungan dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh diagnosis, manfaat yang akan dibayar adalah jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM<sum insured>.</p> <p>Sijil insurans ini akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat penyakit kritikal (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), dan tiada manfaat lain yang akan dibayar selepas itu.</p> <p>Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, jumlah yang berikut akan dibayar secara sekaligus:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) 10% daripada jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM <sum insured>; atau 2) RM25,000; <p>mana-mana yang lebih rendah.</p> <p>Nota:</p> <p>Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari akan dibayar sekali sahaja. Pembayaran ini akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan dari Etiqa Critical Care Insurance dan sijil insurans ini akan terus berkuatkuasa.</p> |

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar ialah RM <premium> untuk perlindungan bertempoh 1 tahun.

Premium yang ditunjukkan adalah berdasarkan umur hari jadi berikutnya bagi orang yang diinsuranskan pada tarikh permulaan sijil insurans. Kadar premium akan dikaji semula setiap tahun dan ia akan berbeza berdasarkan umur hari jadi berikutnya bagi orang yang diinsuranskan pada tarikh permulaan sijil insurans.

Semua premium (jika berkenaan) adalah tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Perbelanjaan berkaitan sijil insurans seperti kos pengurusan telah dimasukkan ke dalam jumlah premium anda. Tiada komisen dikenakan dalam pelan ini.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- a) Kepentingan Pendedahan – Untuk membantu Kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma sijil insurans anda, anda dikehendaki menyatakan semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkenaan) dan umur dengan betul. Sekiranya maklumat yang berkenaan disembunyikan atau didapati tidak tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan pembatalan sijil insurans ini, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil insurans diubah.
- b) Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar premiumnya.
- c) Tempoh Percuma - Anda berhak untuk membatalkan sijil insurans dengan memberikan arahan bertulis kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil insurans telah diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan premium yang telah diterima. Sijil insurans ini akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar sendiri, atau pada tarikh ia diposkan kepada Kami jika dihantar melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika dihantar secara elektronik.
- d) Kami akan membayar manfaat penyakit kritikal dengan syarat orang yang diinsuranskan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis.
- e) Pembelian semula – Anda layak untuk membeli semula pelan ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh luput sijil insurans ini, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan bagi sijil insurans ini. Jumlah yang diinsuranskan yang dibenarkan untuk pembelian semula sama ada bersamaan atau lebih rendah daripada jumlah yang diinsuranskan bagi sijil insurans ini.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil insurans untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Untuk memastikan manfaat pelan yang berpatutan, pelbagai pengecualian dikenakan ke atas manfaat yang akan dibayar.

- a) Sijil insurans ini tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal akibat:
 - i) Keadaan sedia ada;
 - ii) Kecederaan diri yang disengajakan, ketika siuman atau tidak siuman;
 - iii) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau
 - iv) AIDS, jangkitan atau komplikasi berkaitan AIDS yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.
- b) Sijil insurans ini tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal yang didiagnosis:
 - i) dalam tempoh 30 hari dari tarikh sijil insurans yang dikeluarkan; dan
 - ii) dalam tempoh 60 hari dari tarikh sijil insurans yang dikeluarkan bagi Kanser, Penyakit Koronari Jantung yang Memerlukan Pembedahan, Serangan Jantung, Sebarang Penyakit Arteri Koronari Serius Yang Lain.

Tempoh menuggu 30 hari dan 60 hari tidak digunakan untuk pembelian semula.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil insurans untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap.

7. Bolehkah saya membatalkan sijil insurans ini?

Sekiranya notis pembatalan bertulis diterima selepas tempoh percuma 15 hari tersebut, anda akan layak mendapat nilai serahan yang diperolehi seperti yang berikut, sekiranya anda tidak membuat sebarang tuntutan untuk sijil insurans ini.

$$\frac{\text{Bilangan baki hari sebelum ulang tahun yang berikut / tarikh tamat tempoh}}{\text{(80\% } \times \text{ Premium Tahunan)}} \quad \frac{\text{Bilangan hari dalam tahun permulaan}}$$

8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda

dengan kadar segera. Sila menghantar e-mel ke info@etiqacom.my, atau hubungi Etiqa Oneline di 1300-13-8888.

9. Dimanakah boleh saya memperolehi maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline dengan menghubungi 1300-13-8888, atau tulis kepada Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau melalui faksimili 03-2297 3800, atau menghantar e-mel ke info@etiqacom.my, atau dengan menghubungi 03-2297 3888, atau kunjungi www.etiqacom.my. Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati

Sila rujuk kepada laman web Kami di www.etiqacom.my untuk lain-lain jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

Lampiran1: Senarai 39 penyakit kritikal yang dilindungi

| | | | | | |
|----|--|----|--|----|--|
| 1 | Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk | 14 | Kegagalan Hati Tahap Akhir | 27 | Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan |
| 2 | Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari | 15 | Penyakit Paru-paru Tahap Akhir | 28 | Sklerosis Multipel |
| 3 | Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 16 | AIDS Dengan Gejala Penuh | 29 | Distrofi Otot |
| 4 | Tumor otak Benign – keterukan tertentu | 17 | Hepatitis Viral Fulminan | 30 | Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkit melalui Pekerjaan |
| 5 | Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih | 18 | Serangan Jantung – keterukan tertentu | 31 | Kelumpuhan Anggota |
| 6 | Pembedahan Otak | 19 | Pembedahan Injap Jantung | 32 | Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian |
| 7 | Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal | 20 | Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah | 33 | Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu |
| 8 | Kardiomiopati – keterukan tertentu | 21 | Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang | 34 | Penyakit Arteri Koronari Serius |
| 9 | Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang | 22 | Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) | 35 | Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan |
| 10 | Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan | 23 | Hilang Keupayaan Bertutur | 36 | Pembedahan Aorta |
| 11 | Pembedahan Pintasan Arteri Koronari | 24 | Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 37 | Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk |

| | | | | | |
|----|--|----|--------------------------------------|----|--|
| 12 | Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih | 25 | Transplant Organ Utama/Sumsum Tulang | 38 | Penyakit Terminal (Membawa Maut) |
| 13 | Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 26 | Penyakit Sistik Medular | 39 | Kelecuran Tahap Ketiga – keterangan tertentu |

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM INSURANS HAYAT MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat di dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada [<Issue Date>](#).